

EDGE Buka Peluang Kerjaya Untuk Mahasiswa UniMAP

Dalam usaha meningkatkan kebolehpasaran graduannya, Pusat Kerjasama Industri dan Agensi Kerajaan (CIGC) dan Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) telah menganjurkan program Exposure Day for Graduate Employability (EDGE).

Program EDGE 2014 yang berlangsung selama empat hari bermula 15-18 Mac 2014 disertai lebih 20 agensi kerajaan serta syarikat Multinasional dari seluruh negara dan ia menawarkan sekurang-kurangnya 600 kekosongan dalam 23 jawatan pelbagai bidang. Program tersebut merupakan salah satu agenda dan inisiatif UniMAP dalam pembangunan kebolehpasaran dan kerjaya bakal graduannya.

